

RITUAL ADAT KORBAN DALAM ADAT MASYARAKAT UBIAN

Zaimie Sahibil

ABSTRAK

Suku kaum Ubian adalah salah satu subsuku daripada masyarakat Bajau Laut. Suku ini merupakan antara masyarakat awal yang diketahui mendiami pesisir daerah Pulau Banggi, Kudat, Sandakan dan Semporna, Sabah. Masyarakat ini masih mengamalkan kehidupan secara tradisi dan memiliki adat serta kepercayaan tradisinya yang sangat kuat. Kajian ini memfokuskan ritual korban, iaitu salah satu daripada amalan adat yang masih kukuh dilaksanakan. Adat korban masyarakat Ubian yang unik bercampur dengan kepercayaan tradisi dan agama Islam. Adat istiadat korban dalam masyarakat Bajau Ubian ini adalah menjadi kewajipan untuk dilaksanakan. Jika tidak, mereka percaya arwah idak akan dapat pergi ke Padang Masyhar kerana tunggangannya tiada, yakni binatang sembelihan korban itu. Malah, mereka percaya adalah lebih baik jika binatang sembelihan itu seekor kambing supaya arwah selesa menunggangnya berseorangan berbanding seekor lembu atau kerbau yang terpaksa dikongsi bertujuh. Kepercayaan ini terus dipelihara oleh generasi tua. Generasi baharu yang sudah memahami secara mendalam mengenai fahaman agama Islam sudah mula meninggalkan adat istiadat korban dalam masyarakat suku kaum Bajau Ubian ini. Walaupun khazanah budaya ini unik, tetapi ia membebankan terutamanya bagi keluarga yang tidak berkemampuan. Mereka sanggup berhutang demi melaksanakan adat istiadat korban masyarakat Bajau Ubian ini.

Kata kunci: Ubian, Bajau, adat korban, agama Islam.


ABSTRACT

The Ubian tribe is one of the sub-tribes of the Sea Bajau community. They are among the first people known to inhabit coastal areas such as the Banggi Island, Kudat, Sandakan and Semporna, Sabah. These tribes still practice a traditional lifestyle and customs with very strong ties to tradition. This study is focuses on one of the traditional practices that is still practiced amongst the Ubian tribe. Indigenous communities especially in Sabah is unique in that often the traditional beliefs and customs are practiced alongside the religious customs. The korban custom is among the examples of a religious custom celebrated by the Bajau Ubian community according to cultural customs. The Bajau Ubian(s) view it as a religious duty and compulsory to sacrifice an animal that will ensure that when the die, their arwahidak will be able to ride to the Padang Masyhar, a holy place of rest as designated by the Islamic religion. In fact, they believe it is better if it a goat is sacrificed as the soul of the dead will be able to ride in comfort without having to share his animal with seven others if it was a cow, buffalo or horse. This belief continues to be practiced by the older generation of Bajau Ubian however the new generations with a deeper understanding of Islamic religious affairs have begun to abandon these customs. Unique as these customs are, they are not very much practiced these days as these customs are expensive affairs for the poorer families who are sometimes willing to go into debt just to carry out such customs.

Keywords: Ubian, Bajau, traditional sacrifice, Islam.

LATAR BELAKANG

Bajau Ubian berasal dari Pulau Ubian¹, salah sebuah daripada beribu buah pulau yang terdapat di Filipina. Pulau Ubian berada dalam pentadbiran Daerah Tawi-Tawi iaitu dibawah pemerintahan *Autonomous Region in Muslim Mindanao* (ARMM). Kaum Bajau Ubian adalah suku kaum yang amat sinonim dengan laut, malah merupakan pelayar yang handal. Masyarakat Ubian mencari sumber rezeki sebagai nelayan tradisi. Di Sabah, terdapat 26 subsuku dan subdialek bahasa yang dituturkan di Sabah dan selatan Filipina. Berikut adalah 31 subdialek tersebut: Ubian, Sallogan, Sapa', Sikubung, Sapa'-sapa', Tando'Bas, Basbas, Tando', Banak, Ungus Matata, Lo'ok Nato', Kohek, Bannaran, Sitangkai, Simunul, Sibutu', Pangutaran, Siasi, Laminusa, Nusa Larapan, Musu', Manubal, Pala'u, Sama (Pantai Barat Sabah), Sisangat, Siamal, Tabawan dan Bajau Sama Kota Belud.



Sumber: Google Earth

Foto 1 Peta menunjukkan asal usul Bajau Ubian berasal dari Pulau Ubian di selatan Filipina

KORBAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Korban bermaksud menyembelih binatang ternakan berkaki empat pada Hari Raya Aidiladha atau hari-hari Tasyniq (11, 12, 13 Zulhijah) dengan tujuan beribadat kepada Allah (Surah al-An'nam). Hukum ibadah korban adalah sunat bagi yang mampu dan wajib bagi yang bernazar. Ibadah korban bermula selepas matahari naik sekadar cukup untuk solat dua rakaat dan khutbah pada 10 Zulhijah dan berakhir ketika terbenam matahari pada 13 Zulhijah. Ibadah korban dilaksanakan sempena mengingati peristiwa Nabi Ibrahim yang terpaksa menyembelih anaknya, Nabi Ismail kerana melaksanakan perintah Allah SWT. Walau bagaimanapun, peristiwa tersebut sekadar ujian Allah SWT kepada kedua anak-beranak tersebut. Mereka telah berjaya dalam ujian tersebut di mana Nabi Ibrahim sanggup menyembelih anaknya sendiri dan Nabi Ismail pula patuh dengan perintah ayahnya untuk disembelih. Semua ini dilakukan menunjukkan bahawa betapa mereka amat patuh kepada perintah Allah, lebih daripada yang lain walaupun ia melibatkan nyawa dan kasih sayang ayah dan anak. Lalu, Allah telah menggantikan tempat Nabi Ismail dengan kambing (kibas). Ibadah korban juga dilakukan sebagai cara untuk mendekati diri kepada Allah.

a. Hikmah Korban

- i. Menghindarkan sifat kedekut, bakhil dan tamak.
- ii. Bersyukur dengan nikmat pemberian Allah.
- iii. Meningkatkan ketakwaan.
- iv. Menggembirakan fakir miskin.
- v. Merapatkan hubungan silaturrahim dalam kalangan umat Islam.

b. Maksud dan Pengertian Korban

Korban bermaksud mengorbankan binatang tertentu pada waktu-waktu tertentu dengan tujuan untuk beribadah dan mendekatkan diri kepada Allah. Korban telah disyariatkan pada tahun kedua Hijrah, sama seperti ibadat zakat dan solat sunat hari raya.

Firman Allah yang maksudnya:

“Maka kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan sembelihlah korban (sebagai tanda syukur).”

(Surah al-Kauthar, 108: 2)

Ia juga bertujuan menjadi kifarah bagi pelaku kesalahan, sama ada disebabkan kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan ataupun dengan sebab kecuaiannya dalam melakukan kewajipan di samping memberikan kelegaan kepada keluarga orang yang *berqurban* dan juga mereka yang lain. Korban tidak memadai dengan menghulurkan nilai harganya, berbeza dengan ibadah zakat fitrah yang bermaksud memenuhi keperluan golongan fakir.

c. Hukum Melakukan Korban

Hukum melakukan ibadah korban ialah sunnah *muakad* (ibadah yang sangat dituntut ke atas umat Islam yang berkemampuan). Sabda Nabi Muhammad yang bermaksud:

“Aku diperintahkan agar menyembelih qurban dan ia sunat bagi kamu.”

(Riwayat Tirmizi)

Ibadah korban dilaksanakan selepas solat Hari Raya Aidiladha, bertujuan untuk mendekatkan diri dengan Allah, sepertimana firman-Nya yang bermaksud:

“Katakanlah sesungguhnya solatku, qurbanku, hidup dan matiku adalah untuk Allah pemerintah semesta alam yang tiada sekutu Bagi-Nya’ [Al-An’am: 162] Bagi orang yang tidak mampu menyembelih kurban, maka gugurlah darinya kewajipan ini.”

PROSES KORBAN MENURUT ADAT BAJAU UBIAN

Masyarakat Bajau Ubian akan membuat persediaan awal dalam melaksanakan ibadat korban ini. Keluarga yang dari kurang berkemampuan terpaksa menghadapi beban kewangan untuk memenuhi tuntutan adat korban. Tuntutan adat dalam

proses pelaksanaan adat korban Bajau Ubian ini banyak bercampur baur dengan unsur animisme dan syirik.

a. Proses Persediaan



Foto 2 Kambing dipelihara seminggu lebih awal sebelum dikorbankan

Kambing akan dipelihara di atas rumah seminggu sebelum dikorbankan. Masyarakat Ubian percaya amalan ini akan mendekatkan keluarga arwah yang dikorbankan dengan mereka. Kambing akan dipelihara seolah-olah itulah arwah yang akan dikorbankan. Seluruh keluarga terdekat mengambil kesempatan untuk terlibat menjaga kambing tersebut. Mereka percaya jika mereka tidak melibatkan diri, mereka tidak akan bertemu apabila meninggal kelak. Hidangan nasi kuning dan kopi (Foto 2(ii & iii)) untuk makanan dan minuman kambing akan disediakan selama seminggu dalam peliharaan. Malah, ada juga keluarga yang akan menyajikan makanan atau minuman yang menjadi kegemaran semasa arwah masih hidup.

b. Proses Memandikan Kambing



Foto 3 Proses memandikan kambing sebelum acara korban

Kambing dimandikan sebelum dikorbankan. Imam yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan upacara ini akan memandi dan

membersihkan kambing dengan iringan bacaan ayat-ayat suci al-Quran. Masyarakat ini percaya untuk menghadap Tuhan perlulah bersih dan diiringi wangi-wangian. Kambing juga disembur dengan wangi-wangian seperti minyak atar.

c. Proses Menyerahkan Hantaran Korban



(i)

(ii)

(iii)

Foto 4 Upacara menyerahkan hantaran korban

Wakil keluarga² akan menyerahkan hantaran korban kepada tok imam (Foto 4 (i)). Majlis ini akan disaksikan oleh seluruh keluarga yang hadir. Semasa menyerahkan barangan hantaran, lafaz berikut mesti diucapkan:

Assalamualaikum, tuan iman aku wakil mah kah luarga ku noongan duaan pagkulbanan arwah emmahku tahun tiahe kelna Allah Taala.

“Assalamualaikum tuan imam saya mewakili keluargaku untuk menyerahkan hantaran barangan kurban untuk arwah ayahku tahun ini kerana Allah Taala.”

Tok imam pula akan menyambut hantaran barangan itu dan akan bertanya kepada pihak keluarga tentang nama, umur dan tarikh arwah si mati (Foto 4 (ii)). Tok imam akan menerima hantaran tersebut dengan iringan lafaz berikut:

Walaikumsalam, taimaku soongan kulban tiahe tu mah tahun diahe tu kelna Allah Taala.

“Walaikumsalam, aku terima hantaran barangan kurban ini pada tahun ini kerana Allah Taala.”

Selepas penyerahan hantaran oleh imam dan seluruh ahli keluarga yang hadir, doa selamat akan dibaca (Foto 4 (iii)).

d. Proses Mengikat Serban Pada Tanduk Kambing



Foto 5 Proses mengikat serban pada tanduk kambing sebelum dikorbankan




(i)

Foto 6 Ikatan serban pada kambing kemudian ditandakan dengan warna kuning (kunyit) sebelum dikorbankan

Selepas bacaan doa selamat oleh tok imam, acara seterusnya ialah mengikat serban pada tanduk kambing. Menurut Tuan Haji Abdul Gaffar Mahmud,³ lilitan serban ini telah wujud sejak sekian lama. Ia melambangkan keislaman seseorang itu, sebagai simbol pemimpin dan lelaki. Bagi kaum perempuan pula akan dipakaikan tudung. Malah, tanda kuning daripada kunyit hidup pada bucu serban (Foto 6 (i)) melambangkan kedaulatan dan keagungan Ilahi.

e. Proses Memakaikan Baju Pada Badan Kambing dengan Kain Pelikat



(i)

(ii)

(iii)

Foto 7 Kambing dipakaikan baju menggunakan kain pelikat

Kambing juga akan dipakaikan kain pelikat sebagai simbol pakaian (baju). Masyarakat Ubian percaya pakaian ini menjadi pakaian terakhir untuk ke Padang Masyhar nanti. Jika upacara memakaikan kain pelikat ini tidak dilaksanakan, kaun Ubian percaya arwah akan ke Padang Masyhar dalam keadaan berbogel.

f. **Proses Menyembelih**



Foto 8 Proses penyembelihan

Proses penyembelihan dilakukan seperti mana yang lazimnya. Tetapi wujud perbezaan dari sudut bacaan. Masyarakat Bajau Ubian menyembelih bintang korban dengan iringan kertas (bulatan merah dalam Foto 8 (iii)) yang mengandungi bacaan berikut:

“Itonah kulban Sahibil bin Ninong matahun tiahie tu, sinongan eindahnamaka banaan anak-anaknah kerana Allah Taala.”

“Ini adalah qurban untuk arwah Sahibil bin Ninong pada tahun ini, yang dipersembahkan oleh isteri dan anak-anaknya kerana Allah Taala.”

Helaian kertas itu akan ditanam sekali bersama darah sembelihan. Bajau Ubian percaya kertas itu sebagai *passport* untuk masuk ke Padang Masyhar.

g. **Proses Melapah**




Foto 9 Proses meniup dan melapah daging sembelihan

Sebelum melapah daging kambing yang telah disembelih, masyarakat Bajau Ubian akan meniup daging kambing menggunakan batang daun betik (Foto 9 (i)). Bajau Ubian percaya dengan berbuat demikian akan menghalau hantu atau jin-jin jahat. Selepas proses meniup, daging kambing dilapah mengikut sukatan untuk diagihkan kepada fakir miskin dan golongan yang berhak.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati ibadah korban yang dilaksanakan oleh masyarakat Ubian masih berlandaskan ajaran Islam, walaupun terdapat pengaruh tradisi yang diamalkan oleh nenek moyang mereka sebelum kedatangan Islam. Golongan tua masyarakat Ubian merupakan golongan yang mengekalkan amalan ini secara tradisi. Namun, perkembangan pendidikan agama Islam dan pendidikan formal generasi baharu mula mengikis amalan ini. Generasi muda yang sudah memahami secara mendalam tentang agama Islam mula meninggalkan adat istiadat korban secara tradisi ini, sementara golongan tua tidak bersetuju dengan cara korban yang dituntut dalam agama Islam.

NOTA

¹ Pulau Ubian adalah di bawah pemerintahan *Autonomous Region in Muslim Mindanao*, ditadbir oleh daerah Tawi-Tawi. Berkeluasan 272 kilometer persegi dan mempunyai penduduk seramai 11,475 (42.2/km persegi).

² Mestilah anak lelaki tua dalam keluarga itu yang menyerahkan hantaran korban itu kepada tok imam kerana ia adalah lambang sebagai ketua dan pemimpin keluarga tersebut.

³ Tuan imam yang mengetuai upacara korban, berumur 85 tahun, merupakan seorang tokoh agama yang sangat dihormati dalam masyarakat Ubian di Pulau Banggi.

BIBLIOGRAFI

- Bajau. 1878 – 1909. *Sabah Society Journal*, Vol.5.
- Clifford Sather. (1997). *The Bajau Laut*. Oxford U. Press. Sejarah ringkas Bahasa Melayu. Dlm. Nik Safiah Karim *et al.* (2002). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gunsi Saat. (2008). *Suku etnik Bajau: Urbanisasi, perubahan dan pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nimmo, H. Arlo. (2001). *Magosaha: An ethnography of the Tawi-Tawi Sama Dilaut*. Honolulu: University of Hawaii Press (distributed for Ateneo de Manila University Press.)
- Sather, Clifford. (1997). *The Bajau Laut: Adaptation, history and fate in a maritime fishing society of South Eastern Sabah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sopher, D. E. (1965). *The Sea Nomads: A study of the maritime boats people of Southeast Asia*. Singapore: National Museum Singapore.

- Warren, Carol. (1983). *Ideology, identity, and change: The experience of the Bajau Laut of East Malaysia, 1969 – 1975*. Townsville, Queensland: James Cook University of North Queensland, Southeast.
- Warren, Francis James. (1972). *The North Borneo Chartered Company's Administration of the Bajau, 1878 – 1909*. Kota Kinabalu: Sabah Society Journal.
- Warren, Francis James. (1981). *The Sulu zone, 1768 – 1898: The dynamic of external trade, slavery and ethnicity in the transformation of a Southeast Asian maritime state*. Singapore: Singapore University Press.
- Warren, James Francis. (2000). *The global economy and the Sulu Zone: Connections, commodities and culture*. Quezon City: New Day Publishers.
- Warren, James Francis. (2002). *Iranun and Balangingi: Globalization, maritime raiding, and the birth of ethnicity*. Quezon City: New Day Publishers.
- Yap Beng Liang. (1993). *Orang Bajau Pulau Omadal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://bajau-ubian.spaces.live.com/blog/cns!F29D6B632A6C667E!118.entry>. Asian Monograph Series 14.
- “Monthly Statistical Bulletin, January 2007: Sabah,” Department of Statistics Malaysia, Sabah. ISSN 18231659.
- NCCA. (2002). *Sama and Sama Dilaut*. Manila: Philippine National Commission on Culture and Arts.

Informan

- Haji Abdul Gaffar Mahmud. 85 tahun.
- Kilan bte Husman. 82 tahun.
- Abdul Nasir Hj. Laud. 49 tahun.
- Gantih bin Amil. 49 tahun.
- Abdul Muhin Sahibil. 42 tahun.
- Samudin bin Husman. 45 tahun.